

20/01/2002

KL CAT - Terminal udara di ibu kota

Wan Hazmir Bakar

MALAYSIA akan sekali lagi menempa nama sebagai antara beberapa negara yang memiliki prasarana dan sistem pengangkutan termaju di dunia apabila Terminal Udara Kuala Lumpur (KL CAT) di KL Sentral dan perkhidmatan Hubungan Rel Ekspres (ERL) beroperasi secara rasmi pada 19 April depan.

Rakyat Malaysia sesungguhnya dapat berbangga kerana negara adalah antara beberapa negara di dunia ini yang mampu melaksanakan konsep pengangkutan rel udara.

KL Sentral bukan saja menampung KL CAT, tetapi juga pelbagai sistem rel seperti transit aliran ringan (LRT), KTM Komuter, KTM Intercity dan KL Monorel, bersesuaian dengan statusnya sebagai hub pengangkutan bandar raya Kuala Lumpur.

KL CAT dengan kod destinasi penerbangan antarabangsa `XKL' adalah terminal udara dalam bandar raya yang menjadi sambungan kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Pemberian kod destinasi penerbangan itu membolehkan pengguna perkhidmatan penerbangan memulakan serta mengakhiri perjalanan mereka di terminal udara itu yang dilengkapi dengan 20 kaunter pemeriksaan masuk, bagasi dan kastam.

Pengguna perkhidmatan penerbangan melakukan pemeriksaan masuk serta urusan bagasi tanpa perlu menunggu sehingga tiba di KLIA. Begitu juga sebaliknya, apabila mereka tiba dengan penerbangan dari luar negara, mereka boleh terus ke KL CAT untuk urusan pemeriksaan keluar dan mendapatkan bagasi masing-masing.

CAT ialah konsep yang semakin mendapat tempat di seluruh dunia dan dijangka menjadi satu komponen perlu setiap lapangan terbang utama dunia pada masa depan.

Pada masa ini hanya ada 12 terminal udara seumpama itu yang beroperasi di seluruh dunia termasuk di London (Paddington dan Victoria), Hong Kong (Central dan Kowloon), Vienna, Hannover, Stuttgart, Tokyo, Kobe, Yokohama dan Seoul.

Nadi kepada setiap CAT adalah sistem kereta api laju yang menghubungkannya dengan lapangan terbang. Kecekapan sistem itu penting memandangkan lapangan terbang utama biasanya terletak jauh dari bandar raya kerana faktor keselamatan.

Antara sistem kereta api seumpama itu yang beroperasi di dunia pada masa ini ialah Heathrow Express di London, Malpensa Express di Milan, Hong Kong AirportExpress di Hong Kong, Arlanda Express di Stockholm dan Gardermobanen Airport Express di Norway.

Sistem ERL yang menghubungkan KL CAT dengan KLIA dikendalikan syarikat konsesinya, Ekspres Rail Link Sdn Bhd. Dua jenis perkhidmatan iaitu KLIA Ekspres dan KLIA Transit disediakan.

KLIA Ekspres adalah perkhidmatan perdana ERL yang membawa penumpang terus dari KL CAT dan KLIA serta sebaliknya sejauh 57 kilometer dalam masa hanya 28 minit dengan kelajuan maksimum mencapai 160 kilometer sejam.

Setiap tren KLIA Ekspres menyediakan 156 tempat duduk dan akan berlepas setiap 15 minit dan beroperasi 20 jam sehari iaitu dari jam 5 pagi hingga 1 pagi. Kekekapan perkhidmatan akan ditingkat kepada setiap 10 minit pada masa depan.

KLIA Ekspres dijangka membawa antara 5,000 dan 10,000 penumpang sehari apabila beroperasi sepenuhnya. Tambang yang dikenakan ialah RM35 untuk perjalanan sehalu. Perkhidmatan percuma akan dimulakan pada 4 April depan.

KLIA Transit pula adalah perkhidmatan pelengkap ERL yang disediakan khususnya bagi kegunaan penumpang biasa dan pekerja KLIA. Perkhidmatan itu berhenti di Stesen Bandar Tasik Selatan, Putrajaya dan Salak Tinggi.

Setiap tren KLIA Transit boleh membawa 540 penumpang dengan perjalanan dari KL CAT dan KLIA mengambil masa 36 minit pada kekerapan 30 minit.

KLIA Transit yang akan bermula Julai ini belum menetapkan kadar tambangnya. Ia akan beroperasi dari jam 5.30 pagi hingga 12.30 tengah malam. Kadar tambang akan dikenakan mengikut jarak perjalanan.

Kedua-dua perkhidmatan, KLIA Ekspres dan KLIA Transit menggunakan tren elektrik yang sama dengan perbezaan cuma pada kelengkapan, jenis serta susun atur tempat duduk dan hiasan dalaman.

Setiap tren mengandungi empat koc dengan dua koc bermotor di depan dan belakang serta dua koc biasa di tengah. Satu daripada koc biasa itu dilengkapi pantograf bagi menyalurkan arus elektrik untuk kegunaan tren daripada talian tenaga berkuasa 25 kilovolt.

Bagi memastikan perjalanan yang pantas dan senyap lagi selesa, setiap koc dilengkapi sistem gantungan spring udara dan getah serta sistem kedap bising yang memastikan paras bunyi di dalam kabin hanya sekitar 78 desibel, selain pendingin hawa dan tandas.

Bersesuaian dengan konsep perkhidmatan, ruang bagasi yang luas turut disediakan dalam tren KLIA Ekspres selain tempat menyimpan barang di bahagian atas dan pemegang bekas minuman. Pendek kata, penumpang akan berasa seolah-olah sudah berada dalam pesawat sebaik saja menjejak kaki dalam tren.

Keselamatan ERL dipastikan dengan pusat komunikasi dan kawalan berkomputer yang ditempatkan di Air Rail Complex di stesen Salak Tinggi.

Kecekapan sistem rel binaan syarikat kejuruteraan Jerman, Siemens AG, terbukti Sabtu lalu apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri menguji pandu tren itu.

Walaupun keseluruhan sistem ERL yang berharga RM2.4 bilion itu belum siap sepenuhnya, tempoh perjalanan dari KL CAT ke KLIA mengatasi masa 28 minit seperti yang dijadualkan, iaitu 26 minit atau purata kelajuan 133 kilometer sejam.

Dr Mahathir yang mempunyai minat dan pengetahuan dalam soal teknologi memberikan pujian kepada sistem ERL itu yang disifatkan tidak mempunyai kecacatan ketara.

Perdana Menteri berkata, perjalanan tren begitu baik sehingga berjaya mengatasi masa yang dijadualkan dan beliau percaya perjalanan boleh dipercepatkan jika landasan lebih lurus.

Pandangan Dr Mahathir itu pastinya akan dikongsi bersama setiap penumpang yang bakal menggunakan perkhidmatan ERL. Mereka bukan saja akan memuji kemampuan Malaysia mengadakan sistem pengangkutan termaju, malah akan mengagumi pembangunan pesat yang berlaku di sekitar laluan terutamanya di Putrajaya dan Cyberjaya.

Rakyat Malaysia kini mempunyai satu lagi sebab untuk berbangga menjadi warganegaranya. Malaysia sebagai negara membangun kini mempunyai KL CAT dan ERL yang tidak dimiliki semua negara maju di dunia.

(END)